

07 NOV 1998

APEC-BERITA-TARIF

POTONGAN TARIF SECARA BERPERINGKAT LEBIH BAIK DRPD MENARIK DIRI DRPD 20EVSL

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Ekonomi-ekonomi Apec yang berdepan dengan kesukaran untuk mengurangkan tarif bagi produk di bawah pelan pasaran bebas mestilah menimbangkan penghapusan tarif secara berperingkat daripada menarik diri daripada sektor atau liputan produk.

Merujuk perkara itu sebagai tarif mengikut peringkat, Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) menyatakan alternatif seumpama itu mestilah dilaksanakan apabila konsesi dan keluwesan diperlukan.

Tan Sri Tajudin Ramli, yang memegang jawatan sebagai pengerusi Abac, menyatakan dalam laporan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat, EVSL adalah bahagian penting dan efektif untuk mempertahankan pertumbuhan dan pemulihan di rantau ini.

Dr Mahathir, yang akan mempengerusikan Apec, kemudiannya akan mengusulkan laporan itu kepada ketua-ketua ekonomi apabila mereka berkumpul di sini bagi menghadiri sidang kemuncak Apec pada 17 dan 18 Nov ini.

Tajudin, pengerusi eksekutif Malaysia Airlines berkata ketua-ketua ekonomi mengenal pasti 15 sektor bagi EVSL dengan sembilan bagi pengurangan tarif dengan cepat ketika sidang kemuncak lalu di Vancouver.

Pada sidang kemuncak Kuala Lumpur, ketua-ketua dijangka meluluskan sembilan sektor bagi EVSL dan kemudiannya pelan itu akan dilaksanakan dan sekaligus membuka ruang bagi rancangan pasaran bebas Apec untuk menjadi kenyataan.

Meskipun kegawatan ekonomi di Asia, beliau berkata Abac mengesahkan komitmennya untuk meliberalkan pasaran barangan dan perkhidmatan menerusi penghapusan langkah-langkah tarif dan bukan tarif.

Abac berkata inisiatif EVSL mestilah dimasukkan dengan sektor-sektor yang bergerak menerusi proses bersama agar terdapat pengagihan keuntungan di kalangan ekonomi Apec.

Di samping itu, skim tersebut mestilah menyeluruh dengan Abac mencadangkan liputan mestilah meluas serta boleh dipercayai dan bersesuaian dengan ekonomi anggota Apec untuk meyokong setiap rancangan yang diusahakan.

Majlis itu juga menekankan ketua-ketua ekonomi Apec memberikan komitmen kepada EVSL dan pertumbuhan ekonomi di rantau ini bagi memastikan inisiatif tersebut mencapai kejayaan.

"Ia memerlukan ekonomi-ekonomi menunjukkan kerelaan untuk menamatkan perlindungan sektor-sektor sasaran, walaupun kebanyakan ekonomi akan berdepan dengan cabaran sengit dalam sesetengah sektor," kata Tajudin.

Beralih kepada Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (Ecotech), beliau berkata Abac mencadangkan untuk membentuk Perkongsian bagi Pertumbuhan Sama Rata (PEG).

PEG adalah perbadanan nukleus yang bertindak sebagai pemangkin dan melibatkan kerajaan dalam pendekatan dorongan sektor perniagaan/swasta bagi pembinaan kapasiti yang diperlukan untuk mengerakkan agenda liberalisasi Apec.

Tajudin berkata pada sidang kemuncak di sini, Abac akan mengusulkan kepada ketua-ketua negara Apec penubuhan PEG yang mempunyai undang-undang sendiri yang berbeza serta personaliti bebas sebagai agensi bukan kerajaan dan jentera dorongan pasaran.

Abac percaya PEG akan menyediakan permulaan yang baik dengan menyokong dua projek penting iaitu membantu syarikat kecil dan sederhana meraih keuntungan daripada perdagangan elektronik dan memajukan juruteknik IT

adalah kritikal kepada rantau ini.

-- BERNAMA

MR ZK OS